

# MEF anggap tidak wajar wajib iklan kerja pamer gaji

Isu diklasifikasi sebagai sulit, dilihat tidak mesra pelabur

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi

bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) berpendapat adalah tidak wajar untuk mewajibkan majikan menyatakan skim tangga gaji yang ditawarkan dalam iklan jawatan kosong.

Presiden MEF, Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman, berkata ini kerana gaji adalah perkara yang diklasifikasikan sebagai sulit dan tidak perlu dipamerkan kepada umum.

Katanya, antara teras dalam kerangka Ekonomi MADANI diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah meningkatkan daya saing Malaysia ke tangga ke-12 teratas global. Justeru, antara elemen terpenting menentukan daya saing sesebuah negara adalah kemudahan mengurus niaga.

"Oleh itu dikhuatiri cadangan untuk menggubal undang-undang yang mewajibkan majikan

mempamerkan julat gaji dalam iklan jawatan akan dilihat sebagai tidak mesra pelabur.

"Selain itu, ia juga akan menyukarkan hasrat negara untuk mencapai tangga ke-12 teratas daya saing dunia dalam masa 10 tahun akan datang," katanya kepada BH.

Sabtu lalu, Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman mencadangkan kerajaan menggubal Akta Iklan Gaji supaya majikan di negara ini diwajibkan mengiklankan tangga gaji bagi pekerjaan yang ditawarkan.

Beliau dilaporkan berkata, ketika ini majikan tidak diwajibkan berbuat demikian seperti negara maju lain, sekali gus menyebabkan pekerja termasuk graduan meletakkan tangga gaji yang lebih rendah kerana kekurangan maklumat mengenai pekerjaan yang ditawarkan.

## Kementerian teliti syor

Susulan itu, Kementerian Sumber Manusia berjanji akan meneliti cadangan penggubalan akta berkenaan. Menteri V Sivakumar dilaporkan berkata, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, setiap cadangan yang memberi manfaat kepada rakyat

akan diteliti sebaik mungkin.

Mengulas lanjut, Syed Hussain berkata, walaupun ada sesetengah majikan mempamerkan julat gaji dalam iklan untuk menarik bakat menyertai majikan, ia tidak dapat menyelesaikan isu gaji permulaan yang dikatakan rendah untuk lepasan diploma dan ijazah.

## Bincang secara peribadi

"Sebahagian organisasi mungkin berpendapat, perkara berkenaan gaji perlu dibincangkan secara peribadi dan hanya menunjukkan senarai kelayakan serta kemahiran diperlukan untuk menarik calon yang tepat," katanya.

Justeru beliau berkata, MEF berpendapat terpulang kepada sesebuah organisasi untuk melakukan apa yang menjadi budaya masing-masing asalkan gaji ditawarkan selaras dengan kelayakan mereka.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Kamarul Baharin Mansor, berkata pelaksanaan gaji minimum wajar dikekalkan selagi Dasar Gaji Progresif dilaksanakan secara sukarela dan tidak diwajibkan ke atas

semua majikan.

Buat masa ini masih belum ada perbincangan menyeluruh berhubung model atau sistem Dasar Gaji Progresif dengan pemegang taruh.

"Masih belum ada libat urus secara menyeluruh, jadi ke arah mana hala tuju gaji progresif ini, adakah melalui dasar ini kelak, akan diwujudkan satu badan atau suruhanjaya baharu?"

"MTUC berpandangan gaji minimum ini perlu dikekalkan kerana kita tidak tahu ke arah mana pelaksanaan Dasar Gaji Progresif ini dan kerana kita bimbang jika dasar ini bersifat sukarela, apa akan jadi dengan nasib golongan pekerja," katanya.

Semalam, Persatuan Khidmat Nasihat Pencarum Perlindungan Sosial Malaysia (SPCAAM) menyifatkan pengumuman bahawa gaji minimum RM1,500 akan dikekalkan pada tahap sama di bawah dasar gaji progresif yang akan diperkenalkan tidak lama lagi, cacat di banyak peringkat.

Langkah mengekalkan kadar minimum di bawah dasar gaji progresif yang belum diketahui butiran model atau sistem itu, menunjukkan kejayaan syarikat besar memujuk kerajaan kini untuk meneruskan sistem pekerjaan eksploitatif di negara ini, yang menyumbang kepada ketidaksaan kekayaan dan pendapatan tidak mampan dan berkembang.



Syed Hussain